

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2020**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG
[MARANG]**

SOALAN

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan apakah tindakan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Dasar Sekuriti Makanan Negara (JKKDSMN) bagi menyelesaikan isu-isu berkaitan sekuriti makanan secara menyeluruh meliputi aspek rantai bekalan, tenaga kerja, aplikasi teknologi, sumber kewangan, pelaburan, guna tanah dan infrastruktur.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jawatankuasa Kabinet Mengenai Dasar Sekuriti Makanan Negara (JKKDSMN) berperanan dalam merangka hala tuju sekuriti makanan negara yang lebih holistik dan mampan untuk menjamin kelangsungan rantaian bekalan makanan sekaligus mentransformasikan sektor agromakanan ke tahap yang lebih baik bagi memastikan bekalan makanan sentiasa terjamin.

2. Justeru, Jawatankuasa ini akan melaksanakan usaha-usaha untuk meningkatkan daya tahan sistem makanan negara dalam mengharungi krisis, bencana dan pandemik seumpama COVID-19. Antara tindakan Jawatankuasa setakat ini adalah seperti berikut:

- a) Menubuhkan empat (4) kluster atau kumpulan teknikal dengan mengoptimumkan platform sedia ada merentas kementerian atau agensi untuk meneliti dimensi-dimensi sekuriti makanan negara dari aspek ketersediaan makanan (kecukupan), kebolehcapaian makanan (harga dan akses), keselamatan makanan dan pemakanan (kualiti dan nutrisi) serta kestabilan dan kemampanan rantaian makanan. Kluster-kluster ini adalah selaras dengan Kerangka Sekuriti Makanan Negara yang disarankan oleh Pertubuhan Makanan dan Pertanian Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (FAO). Secara ringkasnya, kluster-kluster tersebut termasuk:
 - (i) Kluster Ketersediaan yang diurussetiakan oleh Sekretariat Majlis Penasihat Pertanian Negara, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan;
 - (ii) Kluster Kebolehcapaian yang diurussetiakan oleh Sekretariat Majlis Tindakan Sara Hidup Negara, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna;

SOALAN NO: 7

- (iii) Kluster Keselamatan Makanan dan Pemakanan yang diurussetiakan oleh Sekretariat Majlis Keselamatan Makanan dan Pemakanan Kebangsaan, Kementerian Kesihatan Malaysia; dan
 - (iv) Kluster Kestabilan dan Kemampanan yang diurussetiakan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Makanan dan Majlis Keselamatan Negara.
- b) Membangunkan satu pelan tindakan khusus bagi memperkukuh sekuriti makanan negara dengan mengambil kira isu dan kekangan di sepanjang rantai bekalan makanan bermula daripada input pertanian hingga ke sisa makanan. Pelan tindakan ini bersifat holistik dengan merangkumi aspek rantai bekalan, tenaga kerja, aplikasi teknologi, sumber kewangan, pelaburan, guna tanah dan infrastruktur.

3. Mesyuarat JKKDSMN yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada 8 September 2020 juga telah membincangkan antara lain strategi untuk memperkukuh sektor agromakanan negara berlandaskan peningkatan pengeluaran domestik, perluasan teknologi moden dan pengurangan kebergantungan kepada import. Turut dibentangkan strategi untuk meningkatkan kualiti dan jaminan keselamatan makanan bagi mengoptimumkan sumber sedia ada.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG

SOALAN

DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG [MARANG] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan sejauh mana tahap kesihatan mental pekerja dan majikan yang berdepan dengan tekanan kesan pandemik COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Seperti mana yang kita maklum, pandemik COVID-19 boleh membawa kesan negatif yang mendalam terhadap kesihatan mental pekerja dan majikan. Berdasarkan kajian yang diterbitkan oleh Malaysian Journal of Psychiatry, edisi Mei 2020, antara emosi negatif yang dialami ketika pandemik COVID-19 ini adalah ketakutan (*fear*), keresahan (*anxiety*), kemurungan (*depression*) dan kesedihan (*grief*).
2. Bagi golongan pekerja, faktor lain yang menjejaskan lagi tahap kesihatan mental mereka termasuklah risiko kehilangan pekerjaan dan kelesuan akibat kekurangan tenaga kerja.
3. Bagi majikan pula, cabaran untuk memastikan kelangsungan perniagaan susulan pandemik COVID-19 ini menjadi satu faktor yang menyebabkan kesihatan mental mereka tidak berada di tahap yang optimum.

SOALAN NO: 8

4. Merujuk kepada Kenyataan Media, Kementerian Kesihatan Malaysia bertarikh 21 Oktober 2020, bagi tempoh 25 Mac hingga 19 Oktober 2020, sebanyak 36,269 panggilan telefon telah diterima melalui Talian Sokongan Psikososial. Antara tujuan utama (50%) mereka membuat panggilan adalah disebabkan isu yang memerlukan sokongan emosi dan kaunseling akibat faktor sosial seperti hilang pekerjaan, tiada pendapatan, masalah hubungan, persepsi negatif orang sekeliling, bimbang kepada jangkitan dan masalah tempat kerja.

5. Kementerian Sumber Manusia (KSM) menerusi Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) amat peka dengan isu kesihatan mental di tempat kerja. Antara langkah-langkah yang telah dan sedang dilaksana oleh JKKP bagi menangani masalah kesihatan mental atau psikososial di tempat kerja adalah:

- a) Menguatkuasakan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 secara menyeluruh di tempat kerja, di mana antara objektifnya adalah menggalakkan persekitaran kerja yang sesuai dengan keperluan fisiologi dan psikologi pekerja. Sebanyak **21,323** aktiviti penguatkuasaan berkesan KKP telah dijalankan bagi tempoh Januari hingga September 2020.
- b) Menyediakan sistem pelaporan atas talian, iaitu e-JKKP7 bagi memudahkan majikan dan pengamal perubatan melaporkan sebarang penyakit dan keracunan pekerjaan kepada JKKP termasuklah penyakit mental berkaitan pekerjaan.
- c) Menyemak dan mengemaskini perundangan sedia ada termasuk proses pindaan ke atas Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pemberitahuan Mengenai Kemalangan, Kejadian Berbahaya, Keracunan Pekerja dan Penyakit Pekerja) 2004, antara lain mengemaskini senarai penyakit pekerjaan seperti penyakit psikososial pekerjaan, yang wajib dilaporkan kepada JKKP.

SOALAN NO: 8

- d) Mewujudkan dan melaksana program *Basic Occupational Health Services (BOHS)* iaitu modul saringan kesihatan asas kepada pekerja dengan membuat pemantauan berkala di tempat kerja seluruh Malaysia bagi mengenalpasti penyakit dan keracunan pekerja, termasuk isu kesihatan mental pekerjaan. Sebanyak **3,922** pemeriksaan BOHS telah dijalankan bagi tempoh Januari hingga September 2020.
 - e) Menjalankan program promosi keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP) termasuk isu kesihatan mental pekerja seperti ceramah, pameran, hebahan di media sosial dan webinar. Sehingga suku ketiga 2020, sebanyak **4,701** promosi KKP telah dilaksanakan.
 - f) Menerbitkan **Garis Panduan bagi Pencegahan Tekanan dan Keganasan di Tempat Kerja, 2001**. Panduan ini menggariskan tindak balas bersepadu terhadap permasalahan tekanan dan keganasan, yang sering kali wujud serentak di tempat kerja.
6. Sebagai pelan jangka panjang, Jabatan juga telah merangka pelbagai program bagi menangani masalah psikososial di tempat kerja, antaranya melalui salah satu program khas di bawah Pelan Induk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara 2021 – 2025 (OSHMP 2025) iaitu Pengurusan Risiko Penyakit Pekerjaan di Tempat Kerja di bawah Strategi 4: Merekayasa Kesihatan Pekerjaan. Pelan Induk ini memerlukan penglibatan aktif semua pihak berkepentingan termasuk Kerajaan, majikan, pekerja, serta pertubuhan berkaitan KKP bagi mewujudkan persekitaran kerja yang selamat, sihat, kondusif dan produktif.

Sekian, terima kasih.